

Pembaziran air paip dibiarkan

Batang paip yang dipotong di Jalan Istana (berhadapan Istana Negara) menghala ke Sungai Besi menyebabkan air melimpah. Keadaan sekitar yang sudah berkulat menunjukkan ia sudah lama berlaku. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu mengambil tindakan segera bagi mengelak pembaziran dan memberi imej negatif kerana kawasan itu berhampiran dengan Istana Negara yang menjadi pusat tarikan pelancong.

MOHD AWADI ALIAS / BERITA HARIAN

Pencen lebih jamin masa depan

13.11 28/10/08 M/s 34

MERUJUK berita bertajuk 'Minta peluang kedua ganti opsyen KWSP' yang diterbitkan *Berita Harian* pada 26 Oktober, saya terpanggil untuk memberi pandangan berkaitan tuntutan Cuepacs kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Saya adalah kalangan 43,000 penjawat awam yang memilih opsyen KWSP dan kini sudah mencarum hampir 13 tahun dalam KWSP. Apa yang ingin saya utarakan di sini ialah ketika membuat pilihan sama ada opsyen KWSP atau pencen dulu, tiada sebarang taklimat diberikan.

Ketika itu saya berkhidmat di Sabah dan disahkan perkhidmatan saya di sana. Kini saya sedar akan kelebihan yang sepatutnya diperolehi kakitangan awam yang memilih pencen misalnya Kad Persaraan, gratuiti dan ke-

mudahan perubatan yang tidak akan diperolehi mereka yang memilih opsyen KWSP.

Hasrat Cuepacs di bawah Presidennya, Omar Osman, yang meminta JPA memberi pilihan kedua untuk kami penjawat awam membuat pilihan semula opsyen itu amat dialu-alukan. Ini memandangkan arus perubahan zaman pada masa sekarang yang memerlukan pemikiran menjurus kepada 10 atau 20 tahun masa depan apabila kami pada peringkat untuk bersara daripada perkhidmatan awam.

Bayangkanlah jika pada 2025 nanti seseorang penjawat awam hanya mendapat wang caruman RM200,000 atau RM300,000 dengan keadaan kadar kehidupan lebih tinggi pada masa itu.

Sehubungan itu, izinkan saya memberi pandangan supaya perkara ini diambil berat oleh semua pihak berkeai-

tan dalam menentukan hala tuju kami penjawat awam yang sedang berkhidmat dengan kerajaan dan turut mencari rumusan terbaik apabila kami bersara nanti.

Saya berpendapat, bagi penjawat awam yang ditawarkan kenaikan pangkat secara kekananan, dibenarkan membuat pilihan semula sama ada memilih opsyen pencen atau KWSP buat kali kedua ketika membuat pengesahan kenaikan pangkat itu.

Begitu juga penjawat awam yang melanjutkan pelajaran ketika dalam perkhidmatan yang pastinya berubah skil gaji dan gred apabila ditawarkan semula perkhidmatan seperti guru dari DGA29 atau DGA32 ke skil gaji DG41, dari DG41 ke DG44 dan seterusnya, apabila ditawarkan semula ke gred tertentu dibenarkan membuat pilihan kedua sama ada pencen ataupun KWSP.

Tetapi hasrat ini hanya akan dapat dilaksanakan dengan tempoh perkhidmatan yang harus difikirkan semula kerana bagi kenaikan pangkat mengikut kekananan atau kekosongan jawatan memakan masa lama antara 10 hingga 15 tahun. Jika dalam perkhidmatan kerajaan ini pasti akan terjejas jika JPA menghadkan kepada tempoh paling minimum untuk layak diberikan pencen apabila mereka bersara nanti.

Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada badan yang mewakili penjawat awam, terutama Cuepacs dalam usaha mengangkat martabat kakitangan awam ke satu profesion dihormati selaras dengan piagam yang dijanjikan.

**PENJAWAT
PRIHATIN,**
Banting, Selangor.